

# KANDUNGAN

Perakaunan (948/1) .....	<i>1 – 8</i>
Perakaunan (948/2) .....	<i>9 – 12</i>
Perakaunan (948/3) .....	<i>13 – 21</i>

# PERAKAUNAN (948/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 2817 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 58.19% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.27	5.43	5.22	5.79	10.72	11.54	11.22	4.54	4.72	4.40	28.15

SEMESTER 1

## RESPONS CALON

### KERTAS 948/1 (*Perakaunan Kewangan*)

#### *Komen am*

Mutu jawapan calon secara keseluruhannya adalah memuaskan. Majoriti calon mampu menjawab soalan kualitatif dan kuantitatif dengan baik. Kebanyakan calon dapat memberikan keterangan dengan lengkap bagi jurnal pelarasan atau jurnal urus niaga yang telah disediakan oleh calon. Semua calon hanya menjawab empat soalan sahaja seperti arahan diberi. Kebanyakan calon menggunakan muka surat baharu bagi setiap soalan yang baharu. Keadaan ini menyukarkan pemeriksa menjalankan kerja pemeriksaan serta meletakkan markah bagi setiap soalan.

#### *Komen soalan demi soalan*

##### Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan dua prinsip perakaunan yang tidak dipatuhi dalam penyediaan pendapatan komprehensif Perniagaan Desa Rimbunan. Soalan ini menunjukkan kelemahan calon menjawab soalan kualitatif. Jawapan yang telah diberikan oleh kebanyakan calon dan tidak diterima adalah seperti yang berikut:

Jawapan Calon	Masalah Jawapan Calon
Prinsip pemadanan hasil dan belanja-belanja dipadankan dengan hasil.	Ulasan calon tidak lengkap, sepatutnya ada perkataan dipadan dalam tempoh perakaunan yang sama. Maka, markah hanya diberi pada prinsip sahaja.
Prinsip pengiktirafan hasil tidak patuh kerana hasil sewaan hanya diiktiraf apabila perkhidmatan dijalankan.	Prinsip diterima, ulasan yang diberi dianggap contoh urus niaga, sedangkan soalan diminta memerihalkan prinsip yang tidak dipatuhi. Jawapan patuh atau tidak, tidak dikehendaki oleh skema pemarkahan.

Jawapan Calon	Masalah Jawapan Calon
Konservatisme Tempoh perakaunan Ketekalan	Selain daripada jawapan prinsip pengiktirafan hasil dan pepadanan hasil dan belanja, jawapan prinsip yang lain diberi oleh calon tidak diterima.

Jawapan sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Prinsip pepadanan hasil dan belanja	Hasil bagi sesuatu tempoh perlu dipadankan dengan belanja yang dilibatkan dalam tempoh tersebut bagi mendapatkan hasil
Prinsip pengiktirafan hasil	Hasil perlu diiktiraf apabila hasil diperoleh dan wujud obligasi

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyediakan catatan jurnal pelarasan bagi setiap urus niaga yang dinyatakan dari (1) hingga (6). Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat. Kebanyakan jawapan calon menggunakan butiran yang tidak tepat dengan menggunakan butiran hasil dan belanja selain daripada yang digunakan.

Jawapan calon yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

<i>Akaun</i>	<i>Debit</i> (RM)	<i>Kredit</i> (RM)
1. Debit Hasil sewaan Kredit Hasil sewaan belum terperoleh	5,000	5,000
2. Debit Belanja insurans Debit Insurans prabayar Kredit Tunai/Bank	300 1,500	1,800
3. Debit Belanja pengiklanan Kredit Belanja pengiklanan belum bayar Debit Belanja penyelenggaraan dan pembaikan Kredit Belanja penyelenggaraan dan pembaikan belum bayar Debit Belanja utiliti Kredit Belanja utiliti belum bayar	110 130 175	110 130 175
4. Debit Belanja bekalan pejabat Kredit Bekalan pejabat	2,330	2,330
5. Debit Belanja upah dan gaji Kredit Upah dan gaji belum bayar	500	500
6. Debit Belanja faedah Kredit Faedah belum bayar	40	40

Soalan bahagian (c) menghendaki calon untuk menyediakan penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 30 Jun 2018 selepas mengambil kira pelarasan. Kebanyakan calon dapat memberikan penyata pendapatan dalam format perniagaan perkhidmatan dengan tepat. Kesilapan sebilangan kecil calon ialah butiran dan angka tidak diberikan dengan tepat, belanja bekalan pejabat dinyatakan dalam bentuk kos jualan, sedangkan dalam industri perkhidmatan tiada kos jualan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

<b>Hasil</b>	RM	RM
Hasil sewaan		40,000
<b>Belanja operasi</b>		
Belanja pengiklanan	2,710	
Belanja penyelenggaraan dan pembaikan	2,130	
Belanja susut nilai	400	
Belanja upah dan gaji	15,400	
Belanja utiliti	625	
Belanja insurans	300	
Belanja bekalan pejabat	2,330	
Belanja faedah	40	
		23,935
<b>Pendapatan bersih</b>		<b>16,065</b>

**Soalan 2**

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan tiga perbezaan antara nota belum bayar dengan akaun belum bayar. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan perbezaan yang selalu diberi tetapi salah adalah seperti yang berikut:

Nota Belum Bayar (NBB)	Akaun Belum Bayar (ABB)
Tempoh matang yang panjang	Tempoh matang yang pendek/singkat
Perlu dilunas dalam tempoh melebihi satu tahun	Perlu dilunas dalam tempoh kurang daripada satu tahun
Merupakan liabiliti bukan semasa dalam penyata kedudukan kewangan	Merupakan liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan
Mempunyai tempoh matang	Tidak ada tempoh matang

Nota belum bayar boleh terdiri daripada liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa. Nota belum bayar tidak mempunyai tempoh kredit, walaupun ia dilunaskan sebelum tempoh matangnya serta bayaran pokok dan faedah masih perlu dibayar. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Nota Belum Bayar	Akaun Belum Bayar
Wujud dari belian barang niaga secara kredit dan terbitan bagi sumber dana	Wujud dari belian barang niaga secara kredit
Wujud dengan perjanjian secara formal yang menyatakan dengan jelas jumlah terutang, tempoh bayar balik dan juga kadar faedah yang dikenakan	Tiada perjanjian secara formal – oleh itu selalunya tidak dikenakan faedah
Boleh diniagakan – iaitu pemegang NBB boleh menjual NBB tersebut pada harga diskaun kepada pihak ketiga, namun ia tidak boleh dikelaskan kepada akaun belum bayar	Tidak boleh diniagakan, namun ia boleh dikelaskan kepada nota belum bayar

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung untung bersih terlaras dan soalan bahagian (b)(ii) memerlukan calon menyediakan penyata perubahan modal Perniagaan Amar bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Kebanyakan calon tidak dapat menghitung pelarasan bagi faedah nota belum bayar dan faedah pinjaman. Calon tidak melaraskan belanja ganti rugi bagi belanja mahkamah berjumlah RM12,500. Jawapan yang sepatutnya bagi soalan (b)(i) adalah seperti yang berikut:

	RM	RM
Untung bersih sebelum pelarasan		115,000
Tolak:		
Faedah nota belum bayar $\left(57,000 \times 10\% \times \frac{6}{12}\right)$	2,850	
Belanja ganti rugi	12,500	
Faedah pinjaman $(120,000 \times 8\%)$	<u>9,600</u>	
		<u>24,950</u>
Untung bersih selepas pelarasan		<u><u>90,050</u></u>

Jawapan yang sepatutnya di (b)(ii) adalah seperti yang berikut:

	RM
Modal awal	378,000
(+) Modal tambahan	<u>25,000</u>
	403,000
(+) Untung bersih	<u>90,050</u>
	<u><u>493,050</u></u>

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menyediakan penyata kedudukan kewangan setelah mengambil kira pelarasan di (b)(i) dan (b)(ii). Majoriti calon dapat memberikan jawapan aset bukan semasa dengan tepat kecuali sekuriti boleh pasar yang sepatutnya dicatat pada bahagian aset tidak ketara tidak ditunjukkan. Bagi aset semasa dan liabiliti semasa pula, kebanyakan calon tidak dapat mencatat angka yang tepat seperti yang berikut:

<b>Aset Semasa</b>	RM	RM
Alat ganti (20,000 – 4,800)		15,200
Tunai (30,000 + 25,000)		55,000
Akaun belum terima		<u>12,000</u>
		82,200
<b>Liabiliti Semasa</b>		
Akaun belum bayar	22,000	
Nota belum bayar	57,000	
Pinjaman $\left(120,000 \times \frac{1}{10}\right)$	12,000	
Ganti rugi belum bayar	12,500	
Peruntukan liabiliti waranti (15,000 – 4,800)	10,200	
Faedah nota belum bayar terakru	2,850	
Faedah pinjaman terakru	9,600	

Manakala bagi bahagian ekuiti pemilik pula, kebanyakan calon tidak dapat menghubungkan jawapan modal akhir yang telah dihitung di (b)(ii) dan liabiliti bukan semasa seperti yang berikut:

**Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Amar pada 31/12/2017**

	<b>RM</b>
<b>Ekuiti Pemilik</b>	493,050
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>	
Pinjaman (120,000 – 12,000)	108,000
	601,050

**Soalan 3**

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memberikan sebab sesebuah perniagaan koperasi perlu mewujudkan kumpulan wang rizab berkanun seperti yang termaktub dalam Akta Koperasi 1993. Kebanyakan calon menyatakan fakta sahaja tanpa memberikan penerangan yang jelas. Jawapan yang sepatutnya ialah akta ini menyatakan bahawa kewajipan koperasi adalah bagi kepentingan ahli sebagai perlindungan jaminan hak kepada anggota jika koperasi dibubarkan, untuk perancangan pembangunan koperasi dan juga pendidikan serta pembangunan modal insan ahli.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan dua perbezaan antara modal saham dengan modal caruman. Majoriti calon gagal memberikan jawapan yang tepat dan jelas. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Modal Saham	Modal Caruman
Bagi semua koperasi	Bagi koperasi kredit sahaja
Bayaran sekali sahaja	Bayaran yuran modal secara bulanan atau berkala

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif dan penyata pengasingan untung rugi Koperasi Sri Ledang Berhad. Antara kesilapan calon semasa menyediakan pendapatan komprehensif adalah seperti yang berikut:

- (1) Deposit utiliti RM12,000 di bahagian belanja penyata pendapatan komprehensif.
- (2) Mencatat faedah pinjaman sebanyak dua kali di bahagian belanja, iaitu angka RM45,000.
- (3) Belanja saman RM50,000 dicatat sebagai belanja mahkamah.
- (4) Belanja hutang ragu RM2,000 tidak dapat dihitung, atau dapat dihitung tetapi dicatat sebagai peruntukan hutang ragu.
- (5) Elaun lembaga pengarah RM60,000 sepatutnya dicatat di sini telah dicatat di penyata pengasingan untung rugi.

Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat, iaitu untung bersih ialah RM194,000.

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata pembahagian untung rugi Koperasi Sri Ledang Berhad. Hampir semua calon tidak dapat memberikan jawapan untung bersih, iaitu RM194,000. Ini memberi kesan kepada jawapan (c)(ii), terutamanya bagi calon yang tidak menunjukkan jalan kerja. Terdapat kekeliruan yang ketara kepada calon, apabila mereka menghitung dividen dicadangkan sebanyak 10% daripada pendapatan bersih koperasi. Calon sepatutnya menghitung dividen berdasarkan nilai modal saham anggota yang didarab dengan kadar peratus yang diberi, iaitu  $RM100,000 \times 10\%$ .

Bagi agihan berkanun, jawapan yang sepatutnya mengikut peraturan koperasi adalah seperti yang berikut:

Kumpulan Wang Rizab Berkanun ( $12\% \times 194,000$ )	RM23,280
Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi ( $2\% \times 194,000$ )	RM3,880
Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi ( $1\% \times 194,000$ )	RM1,940

Setelah agihan berkanun, baki RM164,900 akan dibahagikan kepada kumpulan wang kebajikan am ahli, sumbangan ANGKASA, sumbangan zakat dan dividen yang dicadangkan. Jawapan yang sepatutnya untuk baki akhir keuntungan adalah sebanyak RM85,638.

Kelemahan calon dalam menjawab soalan ini ialah calon tidak menulis jalan kerja yang lengkap dan calon meletakkan sumbangan kepada ANGKASA di pembahagian berkanun. Calon sepatutnya menunjukkan semua penghitungan yang telah dibuat dalam skrip jawapan mereka. Ini dapat membantu calon daripada kehilangan banyak markah kerana kerja penghitungan juga akan diberi markah.

#### Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memberikan dua alasan mengapa terdapat perniagaan yang tidak mempunyai rekod perniagaan yang lengkap. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan bahagian ini dengan tepat, iaitu pemilik tiada pengetahuan atau kepakaran ilmu perakaunan, kos penyediaan rekod perakaunan yang lengkap adalah tinggi dan skala perniagaan yang kecil serta tiada peruntukan undang-undang.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon memerihalkan tiga implikasi ke atas pengurusan perniagaan jika perniagaan tidak mempunyai rekod perniagaan yang lengkap. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan bahagian ini dengan tepat dan jelas seperti yang berikut:

- (1) Membuat keputusan perniagaan yang salah
- (2) Sukar mendapat sumber pembiayaan
- (3) Tidak boleh membuat perancangan perniagaan
- (4) Tidak boleh mengukur prestasi perniagaan dengan tepat
- (5) Selalu disiasat oleh pihak berkuasa seperti LHDN, Kastam dan sebagainya
- (6) Mudah berlaku penyelewengan dan penipuan

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menghitung baki akhir tunai di bank bagi Laman Q Enterprise. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang salah, iaitu jawapan dalam bentuk buku tunai. Kebanyakan calon juga tidak dapat memberikan angka RM11,350 bagi penerimaan daripada akaun belum terima. Angka ini diperoleh daripada RM11,900 – RM450 (yang belum dibankkan) – RM100 (ambilan). Angka ini ditambah dengan modal permulaan RM2,000. Pembayaran daripada belanja perniagaan adalah sebanyak RM8,900. Pembayaran terdiri daripada bayaran bekalan, upah pekerja, belian peralatan, sewa mesin, belanja penyelenggaraan, belanja runcit, bayaran pinjaman dan ambilan pemilik. Jawapan calon yang sepatutnya ialah baki akhir bank, iaitu RM4,450.

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif bagi Laman Q Enterprise. Hanya sebilangan kecil calon yang dapat menyediakan penyata pendapatan untuk enam bulan dengan jawapan untung bersih yang tepat, iaitu RM5,300. Sepatutnya jawapan adalah seperti yang berikut:

	<b>RM</b>
Hasil perkhidmatan	12,500
Belanja:	
Belanja sewa mesin rumput	1,200
Belanja peralatan	300
Belanja bekalan (800 – 100)	700
Belanja penyelenggaraan mesin	200
Belanja upah (3,600 + 600)	4,200
Belanja runcit	600

Soalan bahagian (c)(iii) menghendaki calon menyediakan penyata kedudukan kewangan bagi Laman Q Enterprise. Kelemahan calon semasa menjawab soalan ini ialah menulis butiran belanja peralatan RM300 sebagai aset bukan semasa di penyata kedudukan kewangan dan bukan di (c)(ii). Namun begitu, kebanyakan calon dapat memberikan jawapan untuk penyata kedudukan yang tepat. Jawapan yang sepatutnya di penyata kedudukan kewangan ialah aset semasa yang terdiri daripada bank RM4,450, tunai RM450, bekalan RM100, dan akaun belum terima RM600. Liabiliti pula hanya terdiri daripada upah belum bayar RM600. Kebanyakan calon tidak dapat menunjukkan bahagian ekuiti pemilik seperti yang berikut:

Modal RM2,000 + Untung bersih RM5,300 – Ambilan RM2,300

### Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memberikan tiga contoh prinsip kawalan dalaman dan menjelaskan setiap satunya dalam aspek pengurusan aset harta tanah dan loji, serta peralatan. Kebanyakan calon memberikan huraian jawapan secara umum. Calon sepatutnya memberikan huraian hanya kepada pengurusan aset harta tanah dan loji, dan peralatan seperti yang berikut:

- (1) Prinsip dokumentasi. Memberikan tag, iaitu nama syarikat, nombor aset, dan lain-lain yang berkaitan bagi setiap aset harta tanah dan loji, dan peralatan diberi tag.
- (2) Kawalan fizikal. Meletakkan aset harta tanah dan loji, dan peralatan di tempat yang selamat.
- (3) Verifikasi dalaman. Membuat audit dari semasa ke semasa untuk menentukan kewujudan harta tanah dan loji, dan peralatan di premis perniagaan.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyatakan prinsip kawalan dalaman yang berkaitan dan menyatakan sama ada prinsip itu dipatuhi atau tidak berdasarkan setiap kes yang diberi. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, terdapat juga calon mempunyai kelemahan dalam menyatakan prinsip kawalan dalaman seperti yang berikut:

Kes	Jawapan yang Tidak Diterima	Jawapan yang Sepatutnya
(1)	Prinsip fizikal, prinsip sekatan	Mematuhi prinsip kawalan fizikal
(2)	Penetapan tugas	Tidak mematuhi prinsip penetapan tanggungjawab
(3)	Prinsip pengesahan dalaman	Mematuhi prinsip verifikasi dalaman
(4)	Prinsip pusingan tugas	Tidak mematuhi prinsip pengasingan tugas
(5)	–	Mematuhi prinsip dokumentasi
(6)	Kawalan mekanikal	Tidak mematuhi prinsip kawalan fizikal



Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menyediakan catatan jurnal untuk membuat pelarasan buku tunai. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang tidak tepat kerana menggunakan butiran tunai bagi akaun bank. Calon sepatutnya tidak memberikan pelarasan jurnal bagi cek belum kemuka dan deposit belum kredit. Jawapan calon yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

	RM	RM
Debit Akaun caj perkhidmatan bank	50	
Kredit Akaun bank		50
Debit Akaun belum terima	270	
Kredit Akaun bank		270
Debit Akaun bank (400 × 2)	800	
Kredit Akaun belum terima		800

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menghitung baki tunai terlaras. Majoriti calon memberikan jawapan yang tepat, iaitu baki tunai terlaras ialah RM10,530.

Soalan bahagian (c)(iii) menghendaki calon menyediakan penyata penyesuaian bank. Kebanyakan calon boleh menjawab dengan baik dan tepat bagi soalan ini. Namun begitu, masih terdapat juga calon yang tidak memberikan butiran bagi baki debit buku tunai dan baki kredit penyata bank dengan tepat. Jawapan calon yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

	RM
Baki penyata bank belum selaras	11,200
Cek belum deposit	<u>2,700</u>
	13,900
Cek belum kemuka	<u>3,370</u>
Baki penyata bank terlaras	<u><u>10,530</u></u>

# PERAKAUNAN (948/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 2806 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 81.68% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon mengikut gred bagi mata pelajaran ini adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.48	8.77	12.15	12.58	14.61	15.43	8.66	2.85	3.81	2.53	9.12

## RESPONS CALON

### KERTAS 948/2 (*Perakaunan Pengurusan*)

#### *Komen am*

Majoriti calon telah membuat perancangan yang baik semasa menjawab soalan. Hal ini kerana calon didapati menggunakan peruntukan masa yang diberikan secara optimum. Bahasa dan istilah yang digunakan dalam soalan juga adalah jelas dan mudah difahami.

Calon juga menunjukkan jalan kerja dengan jelas semasa menjawab soalan. Jalan kerja yang ditunjukkan diberi markah yang berpadanan, dan calon akan memperoleh sebahagian markah melalui jalan kerja sekiranya jawapan akhir kurang tepat.

Secara keseluruhan, aras kesukaran soalan adalah aras sederhana kerana ia merangkumi soalan aras mudah, sederhana, dan sukar.

#### *Komen soalan demi soalan*

##### **Soalan 1**

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menjelaskan maksud kelakuan kos dan bahagian (b)(ii) menghuraikan pengelasan kos berasaskan kelakuan. Majoriti calon memberikan jawapan yang tepat, iaitu konsep kelakuan kos secara umum adalah bagaimana kos bertindak balas terhadap perubahan dalam aktiviti. Huraian bagi pengelasan kos berasaskan kelakuan ialah kos tetap, kos berubah dan kos campuran.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung kos bahan mentah langsung, kos buruh langsung, kos overhead perkilangan, dan belanja jualan dan pentadbiran. Majoriti calon tidak melabelkan kos yang diambil kira dalam menentukan jumlah kos bahan mentah langsung, kos buruh langsung, kos overhead, dan belanja jualan dan pentadbiran. Calon sepatutnya memahami konsep dan klasifikasi kos bagi menentukan jawapan yang sesuai bagi setiap item kos yang disenaraikan. Jawapan yang sepatutnya ialah kos bahan mentah langsung RM4,900, kos buruh langsung RM5,100, kos overhead perkilangan RM5,060, dan belanja jualan dan pentadbiran RM14,764.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menghitung margin kasar dan pendapatan bersih. Majoriti calon memberikan jawapan yang tepat, iaitu margin kasar ialah RM34,940 dan pendapatan bersih ialah RM20,176.

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon memerihalkan dua asas yang boleh digunakan untuk mengagihkan kos susut nilai peralatan memasak kepada setiap produk. Terdapat calon yang memberikan asas yang tidak sesuai digunakan seperti jam buruh langsung. Jawapan yang sepatutnya ialah jam penggunaan peralatan, keluasan ruang, unit pengeluaran produk, atau nilai jualan produk.

## Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan tiga tujuan pengekosan perkhidmatan. Majoriti calon memberikan jawapan yang terlalu ringkas dan umum, contohnya untuk merancang, mengawal, membuat keputusan, menilai prestasi tanpa mengaitkannya dengan perkhidmatan. Calon sepatutnya menyatakan tujuan pengekosan secara khusus untuk industri perkhidmatan. Jawapan yang sepatutnya ialah menentukan yuran atau caj yang dikenakan ke atas pelanggan, merancang kos untuk menawarkan perkhidmatan, dan mengawal kos yang dilibatkan untuk menyediakan perkhidmatan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan ciri perniagaan yang menggunakan pengekosan perkhidmatan dari aspek produk, komponen kos, inventori dan laporan kewangan. Majoriti calon gagal memberikan jawapan yang lengkap, tepat, dan jelas. Jawapan yang sepatutnya dari aspek produk ialah tiada kewujudan fizikal, tidak ketara atau tidak nyata. Aspek komponen pula ialah kos buruh langsung dan overhead bukan perkilangan atau kos tersedia dan kos pengendalian. Aspek inventori ialah inventori bekalan atau perkhidmatan tidak boleh diinventorikan. Manakala dari aspek laporan kewangan ialah penyata kos perkhidmatan.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghitung untung atau rugi bagi setiap perkhidmatan landskap yang diberikan. Terdapat calon yang membuat penghitungan secara jumlah keseluruhan untuk perkhidmatan yang ditawarkan dalam bulan Januari 2018. Jawapan itu tidak menepati keperluan soalan. Calon sepatutnya perlu mengasingkan penghitungan untung atau rugi untuk setiap pelanggan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

	<b>Hasni (370 jam)</b>	<b>Siva (330 jam)</b>	<b>Mei Mei (250 jam)</b>	<b>Nina (250 jam)</b>
<b>Untung (Rugi)</b>	RM49,950	RM44,550	RM33,750	RM37,500

## Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan bagaimana kos berubah seunit dianggarkan dengan menggunakan kaedah tinggi rendah untuk memisahkan kos berubah itu dalam kos campuran. Terdapat calon yang memberikan formula yang salah seperti perubahan aktiviti dibahagi dengan perubahan kos. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang tepat dan jelas dengan memberikan rumus di bawah:

$$\text{Kos berubah seunit} = \frac{\text{Kos tinggi} - \text{Kos rendah}}{\text{Aktiviti tinggi} - \text{Aktiviti rendah}}$$

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan menggunakan teknik pengekosan marginal. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat dan jelas. Penyata pendapatan perlu disediakan mengikut format teknik pengekosan marginal yang menekankan tentang kelakuan kos. Jawapan yang sepatutnya ialah margin caruman RM490,000 dan pendapatan bersih RM200,000.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menghitung titik pulang modal dalam unit dengan menggunakan kaedah margin caruman. Bahagian (b)(iii) menghendaki calon menghitung margin keselamatan dalam RM, dan bahagian (b)(iv) menghendaki calon menghitung margin caruman. Terdapat calon yang masih belum menguasai istilah-istilah berkaitan dengan analisis KVVU seperti titik

pulang modal (TPM), margin keselamatan, dan nisbah margin caruman. Calon tidak membundarkan angka yang dihitung bagi unit TPM dengan tepat. Calon sepatutnya membundarkan dengan menambah angka ke atas, bukan mengikut hukum membundar secara matematik. Jawapan yang sepatutnya bagi titik pulang modal (TPM) ialah 29,592 unit, margin keselamatan ialah RM408,160, dan nisbah margin caruman ialah 49%.

Soalan bahagian (b)(v) menghendaki calon menjelaskan implikasinya terhadap titik pulang modal jika kos seunit bahan mentah langsung dikurangkan. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat dan jelas. Jawapan yang sepatutnya ialah pengurangan kos seunit bahan mentah langsung bermaksud pengurangan kepada kos berubah seunit. Apabila margin sumbangan bertambah, TPM akan menjadi lebih kecil atau berkurang.

#### Soalan 4

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menyatakan enam faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan oleh pihak pengurusan untuk membuat sesuatu keputusan dalam perniagaan. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat dan jelas. Jawapan yang sepatutnya ialah tindakan pesaing, tindakan pelanggan, faktor alam sekitar seperti pencemaran, undang-undang dan peraturan kerajaan, tanggungjawab sosial, faktor kemanusiaan seperti pekerja kehilangan pekerjaan, dan hubungan jangka panjang dengan pembekal.

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menyatakan sebab faktor kualitatif lebih sukar untuk dinilai berbanding dengan faktor kuantitatif. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat dan jelas. Jawapan yang sepatutnya ialah faktor kualitatif melibatkan faktor kemanusiaan, persekitaran, dan undang-undang yang tidak boleh diukur secara kuantitatif dan memerlukan pertimbangan yang subjektif.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghitung kos pembezaan seunit antara membuat sendiri produk Dee dengan membeli produk Dee, dan menjelaskan cadangan sama ada syarikat itu patut membuat sendiri atau membeli produk Dee. Bagi pembuatan keputusan tempahan khas, majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Calon gagal mengenal pasti item yang relevan dalam membuat penghitungan. Keputusan yang dibuat adalah berdasarkan penghitungan. Jawapan yang sepatutnya ialah kos pembezaan seunit adalah sebanyak RM30. Cadangan daripada penghitungan ialah membuat sendiri komponen adalah lebih baik kerana kos pembuatan lebih rendah berbanding jika beli.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menyediakan mengikut tertib keutamaan untuk kesemua pelaburan itu dengan menggunakan kaedah nilai kini bersih. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Ini adalah kerana calon keliru dengan jangka usia pelaburan P, Q, dan R yang tidak sama. Terdapat juga calon yang tidak menggunakan jadual anuiti yang disediakan. Jawapan yang sepatutnya nilai kini bersih bagi pelaburan P ialah RM47,980, pelaburan Q ialah RM63,485, dan projek pelaburan R ialah RM109,893. Tahap pemeringkatan untuk kesemua pelaburan itu ialah pelaburan R, pelaburan Q, dan pelaburan P.

#### Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan dua kelebihan menggunakan kos piawai. Majoriti calon boleh memberikan jawapan yang tepat. Jawapannya ialah untuk pengurusan dengan pengecualian, untuk pengukuran prestasi, untuk membuat keputusan, untuk perancangan, dan untuk pengawalan kos.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung varians dan menyatakan sama ada varians itu memuaskan (M) atau tidak memuaskan (TM) bagi (1) varians harga bahan mentah langsung, (2) varians penggunaan bahan mentah langsung, (3) varians kadar buruh langsung, dan (4) varians kecekapan buruh langsung. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan bagi penghitungan ini dengan tepat

dan jelas menggunakan kaedah persamaan varians atau kaedah diagram bagi menyelesaikan hitungan varians yang dikehendaki. Namun begitu, terdapat calon yang tidak melabelkan varians yang diperoleh sebagai memuaskan atau tidak memuaskan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (1) Varians harga bahan mentah langsung = RM6,768 TM
- (2) Varians penggunaan bahan mentah langsung = RM1,440 TM
- (3) Varians kadar buruh langsung = RM5,400 M
- (4) Varians kecekapan buruh langsung = RM12,000 TM

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan catatan jurnal bagi setiap varians. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat dan jelas. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

<i>Akaun</i>	<i>Debit (RM)</i>	<i>Kredit (RM)</i>
<i>Varians harga bahan</i> Kawalan bahan mentah langsung Varians harga bahan mentah langsung Kawalan akaun belum bayar	203,040 6,768	209,808
<i>Varians penggunaan bahan</i> Kawalan dalam proses Varians harga bahan mentah langsung Kawalan bahan mentah langsung	201,600 1,440	203,040
<i>Varians kadar dan kecekapan</i> Kawalan kerja dalam proses Varians kecekapan Varians kadar Kawalan upah belum bayar	96,000 12,000	5,400 102,600

Soalan bahagian (c) menghendaki calon memberikan satu sebab mengapa berlakunya varians yang berikut: (i) varians harga bahan mentah langsung yang memuaskan, (ii) varians kecekapan buruh langsung yang tidak memuaskan, dan (iii) varians perbelanjaan overhead berubah yang tidak memuaskan. Kebanyakan calon gagal memberikan jawapan yang tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Varians harga bahan mentah langsung memuaskan:
  - Pembelian yang terancang seperti dapat memilih pembekal yang menawarkan harga yang murah
  - Pembelian secara pukal dengan harga diskaun
- (ii) Varians kecekapan buruh langsung tidak memuaskan:
  - Buruh kurang mahir dan tidak cekap dalam penggunaan bahan memerlukan masa kerja yang lebih
  - Bahan mentah yang berkualiti rendah menyebabkan kerja berulang
- (iii) Varians perbelanjaan overhead berubah tidak memuaskan:
  - Kenaikan tarif utiliti atau kenaikan apa-apa kenaikan kos perkhidmatan
  - Peningkatan harga bahan tak langsung dan upah buruh tak langsung

# PERAKAUNAN (948/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 2793 calon yang menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 75.47% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.45	4.44	10.28	5.51	20.12	17.04	9.63	2.69	5.44	1.83	14.57

## RESPONS CALON

### KERTAS 948/3 (Pengaplikasian Perakaunan)

#### Komen am

Mutu jawapan calon secara keseluruhan adalah sederhana. Hal yang demikian kerana tahap kesukaran soalan adalah sederhana dan soalan yang disediakan mengikut sukatan pelajaran Perakaunan STPM. Soalan yang dikemukakan dapat mendiskriminasikan calon yang baik dengan calon yang lemah. Majoriti calon gagal menjawab soalan yang berbentuk kualitatif dengan baik.

#### Komen soalan demi soalan

##### Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan empat faktor yang perlu dipertimbangkan dalam penyediaan belanjawan. Walaupun terdapat calon yang mendapat markah penuh, namun kebanyakan calon menjawab objektif belanjawan dan bercampur aduk dengan faktor dalam penyediaan belanjawan. Terdapat juga calon yang mengabaikan soalan ini. Jawapan yang sepatutnya ialah tempoh belanjawan, pihak yang terlibat, kaedah penyediaan belanjawan, dan aspek kelakuan dalam belanjawan.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan belanjawan fleksibel bagi jualan dan kos berubah. Kebanyakan calon menjawab dengan baik. Namun, terdapat juga calon yang menjawab laporan belanjawan fleksibel. Calon juga kurang memahami perbezaan antara belanjawan fleksibel dengan laporan prestasi belanjawan. Selain itu, terdapat calon yang tidak menjumlahkan kos berubah dan menunjukkan calon tidak memenuhi kehendak soalan.

Jawapan:

	35,000 unit	45,000 unit
	RM	RM
Hasil jualan	183,750	236,250
Kos berubah:		
Bahan mentah	36,750	47,250
Buruh langsung	42,000	54,000
Overhed berubah	45,500	58,500
<b>Jumlah kos berubah</b>	<b>124,250</b>	<b>159,750</b>

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan laporan prestasi belanjawan fleksibel bagi jualan sebenar. Sebilangan kecil calon gagal membandingkan unit yang sama bagi belanjawan dan jualan sebenar, iaitu 42,000 unit. Calon juga tertinggal item margin sumbangan dan untung operasi dan ini menyebabkan kehilangan markah. Terdapat juga calon yang masih keliru antara varians memuaskan dengan varians tidak memuaskan.

*Jawapan:*

<b>Laporan Prestasi Belanjawan</b>			
<b>Unit Jualan</b>	<b>Belanjawan</b>	<b>Sebenar</b>	<b>Varians</b>
	<b>42,000</b>	<b>42,000</b>	
	RM	RM	RM
Jualan	220,500	226,800	6,300 M
Jumlah kos berubah	149,100	163,800	14,700 TM
Margin sumbangan	71,400	63,000	8,400 TM
Jumlah kos tetap	13,250	14,075	825 TM
Untung operasi	58,150	48,925	9,225 TM

## Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan empat perkara penting yang boleh dimasukkan ke dalam perjanjian perkongsian. Kebanyakan calon tidak mendapat markah penuh bagi soalan ini. Terdapat juga calon yang mengabaikan soalan ini.

*Jawapan:*

Perkara yang perlu dimasukkan dalam perjanjian perkongsian adalah seperti yang berikut:

- (i) Pembahagian untung rugi
- (ii) Faedah atas modal
- (iii) Faedah atas ambilan
- (iv) Gaji
- (v) Tugas setiap pekongsi
- (vi) Faedah atas pinjaman daripada rakan kongsi
- (vii) Syarat penarikan diri
- (viii) Kemasukan rakan kongsi baharu

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan perkongsian. Kebanyakan calon dapat mengingati format dengan betul tetapi masih keliru dengan kos barang dijual dan masih menolak inventori akhir selepas item tersebut. Calon juga tidak mencatat butiran sama seperti di dalam soalan dan menyebabkan kehilangan markah. Terdapat juga calon yang masih meletakkan item penyata kedudukan kewangan di bahagian belanja. Walau bagaimanapun, majoriti calon dapat menjawab dengan baik.

*Jawapan:*

Untung bersih ialah RM102,000

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyatakan tindakan yang perlu dilakukan jika tunai daripada realisasi aset tidak mencukupi untuk menyelesaikan liabiliti dan sebahagian rakan kongsi tidak mampu menampung kekurangan tunai. Kebanyakan calon gagal menjawab dengan baik kerana calon tidak menjawab soalan dengan ayat yang lengkap. Contohnya, calon menjawab membuat pinjaman, tetapi tidak dinyatakan pinjaman peribadi untuk menampung kekurangan tunai. Jawapan yang sepatutnya ialah rakan kongsi lain yang mampu bayar hendaklah bersama-sama menanggung kekurangan.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata pengasingan untung rugi. Majoriti calon dapat menjawab dengan baik tetapi gagal mendapat markah di bahagian agihan untung kerana tidak mengepos agihan untung itu ke akaun modal. Kebanyakan calon hanya menulis nama perkongsi sahaja. Terdapat juga calon yang mengepos agihan untung itu ke akaun semasa. Namun begitu, masih terdapat calon yang dapat menjawab dengan tepat.

*Jawapan:*

<b>Penyata Pengasingan Untung Rugi Perkongsian</b>	
Pembahagian untung:	RM
Akaun Modal Maniam	27,000
Akaun Modal Mee Kuan	18,000
Akaun Modal Kusairi	18,000

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menyediakan akaun modal. Majoriti calon dapat menjawab dengan baik tetapi kesilapan berlaku pada penulisan butiran dalam akaun modal.

*Jawapan:*

	<b>Akaun Modal</b>		
	<b>Maniam (RM)</b>	<b>Mee Kuan (RM)</b>	<b>Kusairi (RM)</b>
Faedah atas modal	10,000	2,500	2,500
Gaji	–	12,000	12,000
Elaun	5,000		
Akaun pengasingan untung rugi	27,000	18,000	18,000

Soalan bahagian (b)(iv) menghendaki calon menyediakan penyata kedudukan kewangan. Calon yang menguasai format penyata kedudukan kewangan berjaya mendapat markah penuh. Namun begitu, terdapat juga calon memasukkan item bekalan pejabat di bawah aset bukan semasa. Calon juga kehilangan markah kerana tidak memindahkan angka baki akhir akaun modal.

*Jawapan:*

**Perniagaan Mamiku**  
**Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019**

	<b>RM</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>	361,000
<b>Aset Semasa</b>	118,500
<b>Liabiliti</b>	75,500
<b>Ekuiti Pemilik</b>	
Modal Maniam	237,000
Modal Mee Kuan	82,500
Modal Kusairi	82,500

### Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memberikan dua perbezaan antara dividen saham biasa dengan dividen saham keutamaan. Kebanyakan calon menjawab dengan tepat. Hanya segelintir calon sahaja yang tidak menjawab dalam ayat yang lengkap dan kehilangan markah.



Jawapan:

Ciri	Saham Biasa	Saham Keutamaan
Kadar dividen	Tidak tetap, bergantung pada keuntungan syarikat dan kelulusan ahli lembaga pengarah	Kadar yang tetap dan ditentukan semasa modal diterbitkan
Keutamaan bayaran dividen	Menerima dividen selepas pemegang saham keutamaan	Menerima dividen terlebih dahulu sebelum pemegang saham biasa
Tunggakan dividen	Tidak mendapat tunggakan dividen	Pemegang saham keutamaan terkumpul boleh mendapat tunggakan dividen bagi tahun-tahun lepas

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan catatan jurnal bagi urus niaga saham. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang tepat bagi urus niaga 12 Januari sehingga 1 Oktober. Bagi urus niaga seterusnya, calon gagal menjawab dengan tepat. Terdapat juga calon yang tidak menulis keterangan dan tidak menulis butiran dengan tepat. Seterusnya menyebabkan penolakan markah.

Jawapan:

Tarikh	Butiran	Debit	Kredit
2018 12 Januari	Tanah Saham Keutamaan Premium Saham Keutamaan	RM 250,000	RM 175,000 75,000
1 Mac	Bank Saham Biasa Premium Saham Biasa	845,000	650,000 195,000
30 Jun	Tiada		
1 September	Bank Saham Biasa Premium Saham Biasa	378,000	315,000 63,000
1 Oktober	Bank Saham Keutamaan Premium Saham Keutamaan	202,500	157,500 45,000
31 Disember	Pendapatan Tertahan Dividen belum bayar	180,000	180,000
31 Disember	Premium Saham Biasa Saham Biasa Boleh Agih	173,500	173,500
31 Disember	Akaun Untung Rugi Pendapatan Tertahan	350,000	350,000

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menghitung pengagihan dividen tunai. Calon tidak menjawab dengan baik bagi soalan ini. Calon dapat menghitung dividen semasa untuk saham keutamaan tetapi tidak dapat menghitung dengan tepat dividen semasa saham biasa dan dividen tertunggak saham keutamaan.

*Jawapan:*

	<b>Saham Keutamaan RM</b>	<b>Saham Biasa RM</b>	<b>Baki RM</b>
Jumlah dividen			180,000
Dividen tertunggak	31,500	97,050	148,500
Dividen semasa	51,450	97,050	0
Jumlah	82,950	97,050	

## KERTAS 948/5

### RESPONS CALON

#### KERTAS 948/5 (Pengaplikasian Perakaunan)

##### **Komen am**

Mutu jawapan calon secara keseluruhan adalah sama dengan mutu jawapan calon pada tahun 2018. Majoriti calon mampu menjawab soalan yang berkaitan dengan sistem perakaunan komputer dengan baik.

##### **Komen soalan demi soalan**

##### **Soalan 1**

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memasukkan baki inventori dalam ruangan yang betul mengikut tajuk seperti dalam jadual diberi. Bagi calon yang menggunakan perisian perakaunan berkomputer, calon mampu menjawab dengan tepat dan jelas.

*Jawapan:*

Tajuk	Jumlah (RM)
This Year Opening Stock	12,500
2016 Jul.	10,800
2016 Ogos	11,400
2016 Sep.	13,200

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon memilih jenis laporan yang bersesuaian bagi menjawab soalan Puan Anita, iaitu:

- (i) Berapakah keuntungan syarikat untuk bulan semasa?
- (ii) Berapakah bilangan cek yang masih belum ditunaikan?
- (iii) Apakah butiran terperinci urus niaga untuk bulan semasa?
- (iv) Berapakah jumlah aset tetap dan aset semasa syarikat sehingga bulan ini?

Kebanyakan calon boleh menjawab soalan ini dengan tepat.

*Jawapan:*

Soalan	Jawapan
Berapakah keuntungan syarikat untuk bulan semasa?	Gambar rajah 4
Berapakah bilangan cek yang masih belum ditunaikan?	Gambar rajah 3
Apakah butiran terperinci urus niaga untuk bulan semasa?	Gambar rajah 2
Berapakah jumlah aset tetap dan aset semasa syarikat sehingga bulan ini?	Gambar rajah 1

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata kedudukan kewangan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat.

Jawapan:

**Awa Sdn. Bhd.**  
**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2018**

	RM	RM
<b>Aset Tetap</b>		460,627.50
<b>Aset Semasa</b>	264,721.50	
<b>Liabiliti Semasa</b>	<u>(84,489.00)</u>	
<b>Aset Semasa Bersih</b>		<u>180,232.50</u>
		<b><u>640,860.00</u></b>
<b>Dibiayai Oleh</b>		
<b>Modal</b>		
Modal		67,500.00
Pendapatan Tertahan		17,160.00
<b>Liabiliti Jangka Panjang</b>		<u>556,200.00</u>
		<b><u>640,860.00</u></b>

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon memberikan definisi sistem perakaunan berkomputer. Kebanyakan calon boleh menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapannya ialah sistem perakaunan berkomputer merupakan satu kaedah penyimpanan, pemprosesan dan penghasilan maklumat kewangan yang berkaitan dengan suatu perniagaan dengan menggunakan komputer yang dimuat perisian perakaunan tertentu.

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menjelaskan tiga komponen sistem perakaunan berkomputer. Majoriti calon tidak menjawab soalan ini. Jawapan yang sepatutnya ialah perkakasan, perisian, dan manusia.

## Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyediakan belanjawan jualan, bahagian (b) menghendaki calon menyediakan jadual kutipan akaun belum terima, bahagian (c) menghendaki calon menyediakan belanjawan belian, bahagian (d) menghendaki calon menyediakan jadual pembayaran akaun belum bayar, dan bahagian (e) menghendaki calon menyediakan belanjawan belanja jualan dan pentadbiran. Bagi soalan ini, tidak semua calon dapat memberikan jawapan yang baik dan tepat. Hal ini demikian kerana kebanyakan calon tidak memahami konsep dan tidak mengetahui format yang perlu digunakan untuk menjawab soalan belanjawan.

Jawapan:

(a)

**Belanjawan Jualan bagi tahun 2018**

	April	Mei	Jun	Julai	Jumlah
Unit Jualan	16,500	22,500	27,500	30,000	66,500
(×) Harga jualan	RM10	RM10	RM10	RM10	RM10
<b>Jumlah jualan</b>	<b>RM165,000</b>	<b>RM225,000</b>	<b>RM275,000</b>	<b>RM300,000</b>	<b>RM665,000</b>

(b)

**Jadual Kutipan ABT bagi tahun 2018**

	<b>April</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>	<b>Jumlah</b>
	RM	RM	RM	RM
Jumlah Jualan	165,000.00	225,000.00	275,000.00	665,000.00
Dari jualan Feb 2017	37,500.00			
Dari jualan Mac 2017	45,000.00	45,000.00		
Dari jualan April	66,000.00	49,500.00	49,500.00	165,000.00
Dari jualan Mei		90,000.00	67,500.00	157,500.00
Dari jualan Jun			110,000.00	110,000.00
<b>Jumlah kutipan</b>	<b>148,500.00</b>	<b>184,500.00</b>	<b>227,000.00</b>	<b>432,500.00</b>

(c)

**Belanjawan Belian bagi tahun 2018**

	<b>April</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>	<b>Jumlah</b>
	RM	RM	RM	RM
Kos barang dijual	92,500.00	122,500.00	147,500.00	362,500.00
(+) Inventori akhir	135,000.00	165,000.00	180,000.00	180,000.00
Jumlah diperlukan	227,500.00	287,500.00	327,500.00	542,500.00
(-) Inventori awal	99,000.00	135,000.00	165,000.00	99,000.00
Jumlah pembelian	128,500.00	152,500.00	162,500.00	443,500.00

(d)

**Jadual Pembayaran ABB bagi tahun 2018**

	<b>April</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>	<b>Jumlah</b>
	RM	RM	RM	RM
Jumlah belian	128,500.00	152,500.00	162,500.00	443,500.00
Dari belian Mac	56,400.00			
Dari belian April	51,400.00	77,100.00		128,500.00
Dari belian Mei		1,000.00	91,500.00	152,500.00
Dari belian Jun			65,000.00	65,000.00
Jumlah pembayaran	107,800.00	138,100.00	156,500.00	346,000.00

(e)

**Belanjawan Belanja Jualan dan Pentadbiran bagi tahun 2018**

	<b>April</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>	<b>Jumlah</b>
	RM	RM	RM	RM
Belanja gaji	1,750.00	1,750.00	1,750.00	5,250.00
Belanja insurans	300.00	300.00	300.00	900.00
Belanja susut nilai	750.00	750.00	750.00	2,250.00
Belanja promosi	2,500.00	2,500.00	2,500.00	7,500.00
Belanja pelbagai	19,800.00	27,000.00	33,000.00	79,800.00
Jumlah belanja	25,100.00	32,300.00	38,300.00	95,700.00